BEE WAH PLASTIC FACTORY SDN. BHD.

lwn.

FRANCIS SOH KAI SHEUN T/A SHATIN MARKETING & GENERAL AGENCIES.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
TUAN JEFFREY TAN PK
[RAYUAN SIVIL NO. 11-65-94]
20 JANUARI 1996

KONTRAK: *Seksyen 74(1) Akta Kontrak 1950 - Tuntutan gantirugi - Kemungkiran perjanjian lisan - Kegagalan perayu untuk menghasil dan membekalkan botol gam plastik - Samada kerosakan di luar dugaan - Samada kerugian terbukti - Akta Penjualan 1957, ss. 57 & 61.*

PROSEDUR SIVIL: *Tuntutan gantirugi atas kemungkiran kontrak - Rayuan - Samada isu luar duga perlu diplid sebelum dibangkitkan - Aturan 18 k. 13(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Sukatan gantirugi - Samada Majistret telah silap dalam taksiran kerugian.*

[English *Translation of Catchwords]*

CONTRACT: *Section 74(1) Contracts Act 1950 - Claim for damages - Breach of oral agreement - Failure to supply plastic gum bottles - Whether defect unforeseeable - Whether damages proved - Sale of Goods Act 1957 ss. 57 & 61.*

CIVIL PROCEDURE: *Claim for damages for breach of contract - Appeal - Issue of unforeseeability - Whether could not be raised unless pleaded - Order 18 r. 13(4) Rules of High Court 1980 - Measure of damages - Whether Magistrate erred on assessment of damages.*

Ini adalah rayuan perayu (penjual) terhadap keputusan Majistret yang bijaksana membenarkan tuntutan gantirugi responden (pembeli). Mengikut keterangan, perayu telah bersetuju melalui satu perjanjian lisan untuk menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik apabila pesanan dibuat oleh responden. Seterusnya, responden telah memberikan beberapa acuan botol kepada perayu dan membuat pesanan untuk botol gam plastik tersebut tetapi perayu telah gagal untuk membekalkannya. Tuan Majistret telah mendapati bahawa satu kontrak lisan wujud dan liabiliti perayu telah dibuktikan. Beliau memerintahkan supaya perayu membayar responden jumlah sebanyak RM20,972 bersama faedah yang merupakan kerugian yang dialami oleh responden akibat dari pembatalan tempahan-tempahan pelanggan-pelanggannya. Perayu telah menafikan ia mempunyai pengetahuan bahawa botol-botol itu adalah untuk penjualan semula.

Isu-isu yang timbul dalam perbicaraan rayuan adalah:

(i) Samada perayu perlu memplid isu luar dugaan sebelum ia boleh dipertimbangkan;

(ii) Samada Majistret yang bijaksana telah silap dalam penaksirannya;

(iii) Samada kerosakan yang dialami oleh responden di luar dugaan perayu;

(iv) Samada gantirugi telah terbukti.

Diputuskan:

[1] Perayu sebagai defendan tidak perlu untuk plid berkenaan allegasi tentang gantirugi kerana A. 18 k. 13(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memperuntukkan bahawa sebarang allegasi tentang kerugian yang dialami dan amaun gantirugi yang dituntut dianggap telah disangkalkan kecuali diakui dengan khususnya. Dengan itu, walaupun ianya tidak dibangkitkan semasa penghujahan dibuat di hadapan Majistret, isu kerosakan luar duga boleh dipertimbangkan dalam rayuan ini.

[2] Sukatan biasa untuk gantirugi dalam kes kegagalan untuk membekalkan barangan terdapat dalam s. 57 dan 61 Akta Penjualan 1957 iaitu terdapat perbezaan di antara harga kontrak dan harga pasaran pada masa pemecahan kontrak apabila terdapatnya pasaran bagi barangan itu dan bukan keuntungan yang diperolehi dari pembekalan. Akan tetapi dalam kes ini, barangannya adalah yang dihasilkan oleh responden dari acuan yang diberi oleh responden semasa pemecahan kontrak. Oleh itu, sukatan gantirugi melalui perbezaan di antara keuntungan yang responden akan perolehi dari pembekalan botol-botol oleh perayu dan keuntungan jika responden membeli botol-botol dari punca lain tidak boleh dipakai.

[3] Dalam menaksirkan keuntungan yang hilang, Majistret telah mengambilkan hasil jualan kasar yang akan diperolehi sebagai keuntungan yang telah hilang dan gagal mengambil kira kos botol-botol yang merupakan satu butiran perbelanjaan. Namun, penolakan kos setiap botol secara matematikal merupakan satu taksiran yang tidak adil untuk menentukan keuntungan yang hilang jikalau bukti sebenar tidak ada.

[4] Keuntungan responden yang hilang dari penjualan semula botol gam plastik adalah satu kerugian langsung dan kehilangan langsung akibat dari kegagalan membekalkan botol-botol itu. Dengan demikian, keuntungan yang dituntut adalah tidak terpencil.

[5] Walaupun responden telah membuktikan liabiliti perayu terhadap kegagalan membekalkan botol-botol, namun tidak terdapat bukti yang mencukupi tentang keuntungan yang hilang. Oleh itu, rayuan dibenarkan, gantirugi yang diberikan oleh Majistret dikurangkan dari RM20,972 kepada RM2,000

sebagai gantirugi nominal yang adil dan munasabah memandangkan jumlah hasil jualan kasar yang hilang.

[Rayuan dibenarkan. Gantirugi dikurangkan ke RM2,000. Tiada perintah kos]

Kes-kes yang dirujuk:

Associated pand Malaysia Cement Sdn. Bhd. v. Syarikat Teknikal & Kejuruteraan Sdn. Bhd. [1990] 2 CLJ 913 ***(dirujuk)***
Ong Hay v. Lye Chin Loy [1952] 18 MLJ 42 ***(dirujuk)***
Hadley v. Baxendale [1854] 9 Exch. 341 ***(dirujuk)***
Victoria Laundry (Windsor) Ltd, v. Newman Industries Ltd. [1949] 2 KB 528 ***(dirujuk)***
Eikobina (M) Sdn. Bhd. v. Mensa Mercantile (Far East) Pte. Ltd. [1994] 2 CLJ 6 ***(dirujuk)***
Lee Sau Kong v. Leow Cheng Chiang [1961] 27 MLJ 17 ***(dirujuk)***
Lee Heng & Co. v. Melchers & Co. [1963] 29 MLJ 47 ***(dirujuk)***
Fazlur Rahman v. Bombay Trading Co. (Pte) Ltd. [1993] 1 SLR 440 ***(dirujuk)***
Lau Sau Kong v. Cheng Chiang [1961] 27 MLJ 17 ***(dirujuk)***
Popular Industries Limited v. The Eastern Garment Manufacturing Co. Sdn. Bhd. [1990] 1 CLJ 133 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Kontrak 1950, s. 74(1), (2)
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 k. 19(4), A. 18 k. 13(4)
Akta Penjualan 1957, ss. 54, 57, 61

Bagi pihak perayu - Cynthia Lee Bee Gaik; M/s. Gan Teik Chee & Co.
Bagi pihak responden - Cantius Leo; M/s. Yusuf Lee Pathma & Marbeck

PENGHAKIMAN

Jeffrey Tan PK:

Ini adalah satu rayuan oleh perayu/penjual terhadap keputusan Majistret yang bijaksana dalam satu tuntutan oleh responden/pembeli sebagai gantirugi kerana kegagalan perayu menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik yang perayu telah bersetuju (secara lisan) pada bulan November 1988.

Keterangan yang ada dalam Mahkamah Rendah adalah bahawa responden telah memberikan kepada perayu beberapa acuan botol dan perayu telah bersetuju menghasilkan dan membekalkan botol gam plastik dari acuan yang diberikan pada bila-bila masa sahaja apabila mendapat pesanan dari responden. Responden telah membuat pesanan untuk botol-botol tersebut tetapi perayu gagal untuk membekalkannya.

Pada akhir perbicaraan, Majistret memerintahkan supaya perayu membayar kepada responden jumlah sebanyak RM20,972 (jumlah yang sama dengan gantirugi yang dinyatakan dalam perenggan 8 penyataan tuntutan) bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun ke atasnya. Walaubagaimanapun, tidak ada sebarang perintah tentang kos.

Semasa rayuan dibicarakan, Peguam untuk perayu yang bijaksana meninggalkan alasan-alasan ke 2, ke 3 dan ke 4 dalam memorandum rayuan dan hanya berhujah tentang (i) kerosakan luar duga dan (ii) tidak ada bukti tentang kerugian yang dialami. Berdasarkan pendapat fakta-fakta oleh Majistret bahawa memang wujudnya satu kontrak lisan untuk membekalkan botol-botol tersebut, disusuli dengan kegagalan untuk membekalkannya yang tidak dipertikaikan, maka dengan demikian liabiliti perayu untuk menghasilkan dan membekalkan botol-botol itu dianggap telah dibuktikan. Dengan itu, pati rayuan ini adalah terhadap taksiran kerugian yang dibuat oleh Majistret yang bijaksana.

Encik Cantius Leo, Peguam bagi responden menjawab bahawa gantirugi yang dituntut telah dibuktikan dengan sepenuhnya, walaupun dalam penghujahan, beliau bersetuju bahawa kerugian yang dituntut oleh responden dan yang terdapat dalam perenggan 8 penyataan tuntutan adalah hasil jualan kasar yang akan diperolehi oleh responden dari jualan semula botol gam plastik, tetapi kosnya yang sepatutnya ditolak dari gantirugi yang dituntut tidak ditolak.

Meskipun isu kerosakan luar duga tidak dinyatakan dengan positif oleh perayu dalam penyataan pembelaan atau dalam memorandum rayuan, ianya dinyatakan dalam perenggan 7 penyataan pembelaan iaitu *"Save as hereinafter expressly admitted all the allegations contained in the statement of claim are herein denied as if the same were set out seriatim and specifically traversed"*. Adalah dikatakan bahawa praktik yang lebih wajar ialah menjawab tuntutan gantirugi secara khusus. Akan tetapi, perayu sebagai defendan tidak perlu untuk plid berkenaan allegasi tentang gantirugi kerana A. 18 k. 13(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 *pari materia* dengan A. 14 k. 19(4) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1980, memperuntukkan bahawa sebarang allegasi tentang kerugian yang telah dialami dan amaun gantirugi yang dituntut dianggap telah disangkalkan kecuali diakui dengan khususnya (lihat *Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. v. Syarikat Teknikal & Kejuruteraan Sdn. Bhd.* [1990] 2 CLJ 913). Dengan demikian, walau pun ianya tidak dibangkitkan semasa penghujahan dibuat di hadapan Majistret, namun isu kerosakan luar duga dipertimbangkan dalam rayuan ini.

"Bila sesuatu kontrak telah dipecahkan, pihak yang mengalami kerugian akibat dari pemecahan itu adalah berhak mendapat daripada pihak yang memecahkan kontrak itu, pampasan kerana kerugian atau kerosakan yang dialaminya oleh sebab demikian yang sendirinya timbul dalam keadaan biasa daripada pemecahan sedemikian itu, atau yang diketahui oleh pihak-pihaknya, bila mereka membuat kontrak itu, bahawa mungkin berpunca daripada pemecahan itu" (lihat s. 74(1) Akta Kontrak 1950). Walau bagaimanapun pihak yang memecahkan kontrak itu tidak bertanggung jawab terhadap kesemua akibat pemecahan kontrak dan pampasan sedemikian itu tidaklah boleh diberi kepada sebarang kerugian yang terpencil dan tak langsung atau kerosakan yang dialami oleh sebab pemecahan itu (lihat s. 74(2) Akta Kontrak), dan kerugian yang tidak semulajadi (unnatural) dianggap sama seperti kerugian yang tidak langsung oleh Taylor J.

dalam *Ong Hay v. Lye Chin Loy* [1952] 18 MLJ 42. Dengan demikian, beberapa kesan susulan yang dianggap sebagai terpencil mungkin tidak boleh dituntut.

Makna kerosakan luar duga telah diselesaikan dalam *Hadley v. Baxendale* [1854] 9 Exch. 341 seperti berikut:

> When two parties have made a contract which one of the them has broken, the damage which the other party ought to receive in respect of such breach of contract should be such as may be fairly and reasonably considered either arising naturally i.e. according to the usual course of things from such breach of contract itself or such as may reasonably be supposed to have been in the contemplation of both parties, at the time they made the contract, as the probable result of the breach of it, ... Now, if the special circumstances under which the contract was actually made were communicated by the plaintiffs to the defendants, and thus known to both parties, the damages resulting from the breach of such a contract, which they would reasonably contemplate, would be the amount of injury which would ordinarily follow from a breach of contract under these special circumstances so known and communicated. But, on the other hand, if these special circumstances were wholly unknown to the party breaking the contract, he, at the most, could only be supposed to have had in his contemplation the amount of injury which would arise generally, and in the great multitude of cases not affected by any special circumstances, from such a breach of contract.

Kerugian yang mungkin boleh dituntut, yang selanjutnya diterangkan oleh Lord Asquith LJ, dalam *Victoria Laundry (Windsor) Ltd. v. Newman Industries Ltd.* [1949] 2 KB 528, mestilah boleh dijangkakan dengan munasabah (reasonably foreseeable) oleh pihak yang memecahkan kontrak tetapi samada pihak yang memecahkan kontrak boleh dengan munasabah menjangkakan kerugian itu bergantung kepada pengetahuan "imputed" atau pengetahuan sebenar (imputed or actual knowledge) yang dipunyainya (lihat *Eikobina (M) Sdn. Bhd. v. Mensa Mercantile (Far East) Pte. Ltd.* [1994] 2 CLJ 6 oleh Peh Swee Chin SCJ di mukasurat 10). "Reasonable foreseeability" juga diterangkan dalam cara yang sama dalam definisi mengenai "remote damages" yang terdapat dalam "*Black's Law Dictionary* 6th Edition", sebagai "the unusual and unexpected result, not reasonably to be anticipated from an accidental or unusual combination of circumstances - a result beyond which the negligent party has no control". Sukatan biasa untuk gantirugi dalam kes kegagalan untuk membekalkan barangan, seperti dalam rayuan ini, terdapat dalam s. 57 dan 61 dalam Akta Penjualan, 1957 (Akta 382), dan s. 51 dan 54 English Sale of Goods Act 1893 (lihat pemerhatian Mahkamah Agung dalam "*Eikobina (M) Sdn. Bhd. v. Mensa Mercantile (Far East) Pte. Ltd.* (*supra*) on the application of English common law as embodied in the English Sale of Goods Act, s. 54"), pada dasarnya terdapat perbezaan di antara harga kontrak dan harga pasaran pada masa pemecahan kontrak apabila terdapatnya pasaran

bagi barangan itu dan bukan keuntungan yang diperolehi dari pembekalan (lihat *Lee Sau Kong v. Leow Cheng Chiang* [1961] 27 MLJ 17 dan *Lee Heng & Co. v. Melchers & Co.* [1963] 29 MLJ 47).

Akan tetapi, dalam kes ini barangannya adalah barangan yang akan dihasilkan oleh perayu dari acuan yang diberikan oleh responden, barangan khas dari spesifikasi yang diberikan oleh responden dan tidak terdapat dalam pasaran (dan hal ini tidak dipertikaikan) semasa pemecahan kontrak. Oleh itu, sukatan gantirugi melalui perbezaan di antara (i) keuntungan yang responden akan perolehi dari pembekalan botol-botol oleh perayu dan (ii) keuntungan yang responden akan perolehi jika responden membeli botol-botol dari punca yang lain, tidak boleh dipakai.

Kerugian yang dituntut oleh responden diplidkan (dalam perenggan 8 penyataan tuntutan) dalam terma-terma berikut:

> By reason of the aforesaid the plaintiff has been put to considerable loss as a result of its customers cancelling their orders with the plaintiff, in the estimated sum of RM20,972 and further damages suffered as a direct result of the defendant's breach.
>
> Particulars
>
> | | |
> |---|---|
> | Tube Type bottles | |
> | 1197 gross @ 10.00 per gross | RM11,970 |
> | Cylinder type bottles | |
> | 643 gross @ 14.00 per gross | RM 9,002 |
> | | RM20,972 |

Perayu berhujah bahawa ia tidak ada pengetahuan bahawa botol-botol itu adalah untuk dijualkan semula. Penghujahan itu, andainya benar, hanya terpakai dalam "2nd rule in *Hadley v. Baxendale* and the 2nd limb of s. 74(1) of the Contracts Act", dan walaupun keadaan (special circumstances) tidak terpakai kepada perayu, akan tetapi, perayu seharusnya bertanggung jawab terhadap responden bagi kerugian yang berbangkit dari kegagalan membekalkan botol-botol itu. Dalam kes ini, keuntungan responden yang hilang dari penjualan semua botol gam plastik adalah satu kerugian langsung dan kehilangan langsung akibat dari kegagalan membekalkan botol-botol itu, sama juga dengan keuntungan yang hilang dari penjualan semua *palm olein* (lihat *Fazlur Rahman v. Bombay Trading Co. (Pte) Ltd.* [1993] 1 SLR 440) dan kegagalan membekalkan "Scrap iron" (lihat *Lau Sau Kong v. Cheng Chiang* [1961] 27 MLJ 17). Dengan demikian, keuntaungan yang dituntut adalah tidak terpencil.

Akan tetapi, dalam menaksirkan keuntungan yang hilang, Majistret telah mengambilkan hasil jualan kasar yang akan diperolehi (RM20,972)sebagai

keuntungan yang telah hilang dan gagal mengambil kira kos botol-botol yang merupakan satu butiran perbelanjaan. Walau pun kedua-dua Peguam bersetuju bahawa kos bagi setiap botol ialah 3.7 sen, dan ianya boleh ditolak dari RM20,972 namun penolakkan secara matematikal itu merupakan satu taksiran yang tidak adil untuk menentukan keuntungan yang hilang jikalau bukti sebenar tentang keuntungan yang hilang tidak ada.

Peruntukkan berkanun yang terpakai dalam kes ini ialah s. 57 Sale of Goods Act" dan s. 74(1)Akta Kontrak, kedua-duanya memperuntukkan gantirugi atau pampasan kepada responden bagi kes kegagalan membekalkan barangan. Akan tetapi, dan memetik Edgar Joseph Jr. Hakim (pada masa itu) dalam "*Popular Industries Limited v. The Eastern Garment Manufacturing Co. Sdn. Bhd.* [1990] 1 CLJ 133:

> It is axiomatic that a plaintiff seeking damages has the burden of proving both the fact and the amount of damages before he can recover. If he proves neither, the action will fail or he may be awarded only nominal damages upon proof of the contravention of a right. Thus nominal damages may be awarded in all cases of breach of contract. (see *Marzetti v. Williams* [1830] 1 B & Ad 415. And, where damages is shown but its amount is not proved sufficiently or at all, the Court will usually decree nominal damages. See for example, *Dixon v. Deveridge* [1825] 2 C & p. 109 and *Twyman v. Knowles* [1853] 13 CB 222.

Dalam kes ini, walaupun responden telah membuktikan liabiliti perayu terhadap kegagalan membekalkan botol-botol, namun tidak terdapat bukti yang mencukupi tentang keuntungan yang hilang. Dengan demikian dan berdasarkan alasan-alasan yang tersebut di atas, rayuan ini dibenarkan; gantirugi yang diberikan oleh Majistret dikurangkan dari RM20,972 kepada RM2,000, sebagai gantirugi nominal yang adil dan munasabah memandangkan jumlah hasil jualan kasar yang hilang. Tidak ada perintah tentang kos bagi rayuan ini.

Reported by Cindy Chan